

'Saya tidak akan campur tangan'

um-9/4/2007

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 8 April - Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik yang melepaskan secara rasmi jawatan Presiden Gerakan hari ini setelah menjawatnya lebih 26 tahun memberi jaminan bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam segala urusan parti itu selepas ini.

Katanya, walaupun telah dilantik menjadi penasihat nasional parti itu, bukan bermakna beliau boleh mengganggu atau membuat kritikan sesuka hati tetapi perannya lebih kepada membantu serta memberi nasihat sekiranya diminta berbuat demikian.



Ujarnya, sebagai ketua parti yang baru memangku jawatan Presiden, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon wajar diberi peluang seluas-luasnya untuk memimpin serta menentukan hala tuju parti dan beliau yakin Tsu Koon mampu melakukannya.

Justeru Keng Yaik mahu setiap pemimpin serta anggota parti memberi sokongan padu dan tidak berbelah bagi kepada Tsu Koon mulai saat ini supaya segala urusan kepimpinan parti berjalan lancar.

"Sebagai penasihat parti saya mahu memberi nasihat pertama saya kepada Tsu Koon hari ini. Nasihat saya ialah jangan minta apa-apa nasihat daripada saya," katanya secara berseloroh pada sidang sidang akhbar di bangunan PGRM di sini, hari ini.

Terdahulu Keng Yaik, Tsu Koon dan pemimpin kanan serta perwakilan Gerakan menghadiri Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa parti berkenaan sempena pelepasan jawatan Ahli Parlimen Bruas itu sebagai Presiden Gerakan hari ini.

Persidangan hari ini juga sebulat suara melantik Tsu Koon sebagai Pemangku Presiden dan Keng Yaik



DR. LIM Keng Yaik tidak dapat menahan sebak ketika majlis penyerahan kuasa presiden pada Perhimpunan Perwakilan Nasional Luar Biasa PGRM di Menara PGRM, Kuala Lumpur, semalam.

sebagai Penasihat Nasional parti.

Menteri Air, Tenaga dan Komunikasi itu berkata, selain menjadi penasihat parti, beliau berhasrat untuk menemui semua anggota Gerakan khususnya di peringkat akar umbi.

"Saya mahu memberitahu mereka semula mengenai ideologi, misi, visi dan objektif Gerakan dan betapa pentingnya mereka memberi sokongan padu kepada kepimpinan sekarang.

"Saya minta pihak parti menguruskan pertemuan saya dengan mereka. Saya mahu anggota Gerakan jelas dengan konsep perjuangan kita yang selama ini berlandaskan kepada semangat Barisan Nasional (BN)," katanya lagi.

Dalam pada itu ketika ditanya tentang perasaannya selepas melepaskan jawatan Presiden secara rasmi, beliau mengakui berasa sebak.

"Awak nampak saya sedih ke?

Memanglah saya juga manusia dan setiap manusia tentu ada perasaan. Saya akui agak emosional sedikit hari ini tetapi air mata saya keluar sedikit sahaja.

"Terlampau banyak kenangan, nostalgia dan pengalaman yang saya lalui sepanjang menjadi Presiden. Segala-galanya akan saya kenang sampai bila-bila.

"Di sini saya juga dengan ikhlas memohon maaf kepada semua anggota parti sekiranya saya ada membuat kesilapan-kesilapan yang tidak disengajakan sebelum ini," katanya.

Menjawab satu soalan lain Keng Yaik berkata, beliau belum boleh meluangkan lebih masa dengan keluarga kerana masih memegang jawatan menteri dalam Kabinet.

"Belum boleh lagi kerana banyak kerja di kementerian yang masih perlu diselesaikan. Mungkin selepas pilihan raya umum saya boleh berehat," tambahnya.